



4 April 2013
4 April 2013
P.U. (A) 131

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI BAYARAN PREMIUM KEPADA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA) 2013

INCOME TAX (DEDUCTION FOR PAYMENT OF PREMIUM TO MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI BAYARAN PREMIUM
KEPADA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Bayaran Premium kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005 hingga tahun taksiran 2010 bagi institusi kewangan yang diperuntukkan dalam perenggan 36(1)(a) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*].

(3) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya bagi institusi kewangan yang diperuntukkan dalam subseksyen 36(1) dan pengendali takaful atau syarikat insurans yang diperuntukkan dalam subseksyen 36(2) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi institusi anggota yang dinyatakan dalam subseksyen 36(1) dan (2) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu institusi anggota daripada perniagaannya bagi suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan suatu potongan bagi suatu amaun yang bersamaan dengan premium pertama atau premium tahunan yang dibayar oleh institusi anggota itu kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi tahun taksiran itu.